



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS), JPM

SALURAN ADUAN PELANGGARAN TATAKELAKUAN

Panduan Menyalurkan Aduan Pelanggaran Tatakelakuan

1. Perkara 4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan Penubuhan Unit Integriti di Semua Sektor Awam memperuntukkan fungsi Unit Integriti antaranya seperti berikut:

4(d) Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

2. Bagi maksud tersebut, aduan pelanggaran tatakelakuan boleh diklasifikasikan seperti berikut:

Salah laku iaitu apa-apa perbuatan yang melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa;

Salahguna kuasa iaitu apa-apa ketidakpatuhan kepada peraturan semasa menjalankan kuasa di bawah apa-apa peraturan atau undang-undang berkaitan;

Cuai iaitu apa-apa kelalaian ketika melaksanakan pekerjaan, tugas atau arahan rasmi; dan

Pelbagai iaitu apa-apa perbuatan salah laku yang tidak bersifat jenayah selain klasifikasi di atas

3. Sehubungan itu, mana-mana orang atau warga UKAS boleh menyalurkan aduan pelanggaran tatakelakuan kepada Seksyen Integriti melalui saluran berikut:

- a) Menghadirkan diri di pejabat Seksyen Integriti UKAS di alamat:

Aras 6, Menara Usahawan

Persiaran Perdana, Presint 2

62652 Putrajaya

- b) Menulis surat ke alamat di atas;
 - c) Menghubungi telefon 03-88805909/5878;
 - d) Melalui e-mel ke Web Integriti UKAS pada webintegriti.ukas@1govuc.gov.my
4. Seksyen Integriti akan mengambil tindakan terhadap aduan tersebut dan mengemukakan laporan kepada Ketua Pengarah UKAS untuk tindakan selanjutnya.